

Soalan (S):Boleh Datuk Seri huraikan lebih lanjut mengenai Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia?

Jawapan (J): Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia ialah komitmen kerajaan untuk membantu perniagaan bangkit semula dan membina keupayaan serta daya saing mereka berikutan pandemik COVID-19, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Oleh itu, dalam Bajet 2022, sebanyak RM40 bilion diperuntukkan bagi tujuan ini merangkumi pelbagai bentuk pinjaman, termasuk suntikan ekuiti.

Inisiatif ini juga mencerminkan semangat Keluarga Malaysia dengan seluruh komuniti usahawan, iaitu daripada perusahaan mikro hingga syarikat tersenarai awam boleh memohon.

Akibat pandemik COVID-19, kita tahu paling terkesan adalah golongan PMKS. Mereka perlu dibantu, tidak kira dari segi skim pembiayaan seperti pinjaman langsung, mahupun geran padanan supaya keupayaan mereka memulakan semula perniagaan bagi jangka panjang dapat dijamin.

Di bawah Semarak Niaga, kita juga ada jaminan pembiayaan disediakan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) berjumlah RM22 bilion, termasuk RM2 bilion khusus untuk Bumiputera. Semua ini akan memudahkan PKS mendapat pembiayaan baharu yang sebelum ini sukar diperolehi.

**Bagaimanakah Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia dapat membantu usaha pemulihan ekonomi negara?**

J: Menerusi Semarak Niaga, kita mahu memastikan negara berada dalam landasan pemulihan ekonomi kukuh. Dengan ketidakpastian ekonomi negara sejak pandemik melanda negara, kesannya masih dirasai seluruh komuniti perniagaan. Kita dapat lihat beribu-ribu perniagaan terpaksa gulung tikar.

Tentunya mereka menghadapi kesukaran memulakan semula perniagaan atau memastikan kelangsungan operasi, terutama jika ada banyak tanggungan hutang.

Oleh itu, Semarak Niaga bukan sahaja menyokong perniagaan dari segi suntikan modal kerja atau pembiayaan, bahkan suntikan berbentuk ekuiti (seperti membeli saham atau memegang ekuiti dalam syarikat) kepada perniagaan terkesan akibat pandemik.

Ini antara penyelesaian inovatif dan, tidak pernah diperkenalkan sebelum ini. Kerajaan yakin usaha ini akan membantu komuniti usahawan terus maju dan bangkit semula.

Secara tidak langsung, apabila kita memberi bantuan dan sokongan kepada komuniti perniagaan, lebih banyak peluang pekerjaan dapat dicipta, di samping memulihkan punca rezeki Keluarga Malaysia. Ini

# Semarak Niaga Keluarga Malaysia bantu PMKS bangkit semula

Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia yang dilancarkan hari ini, menjadi satu lagi inisiatif kerajaan untuk membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bangkit semula ketika negara melalui fasa pemulihan akibat pandemik COVID-19.

Ikuti wawancara bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

sekali gus akan mengurangkan kadar pengangguran dengan kerajaan menyasarkan kadar pengangguran akan terus pulih di bawah paras empat peratus menjelang hujung tahun ini.

Kita akan terus membina di atas pencapaian tahun lalu: Jabatan Perangkaan Negara (DoSM) dan Bank Negara mengumumkan ekonomi negara meningkat sebanyak 3.1 peratus bagi 2021, berbanding penguncupan 5.6 peratus (2020).

Oleh itu, kerajaan yakin usaha penciptaan pekerjaan dan pemeraksanaan perniagaan melalui Bajet 2022 akan menyumbang kepada unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 5.5 hingga 6.5 peratus tahun ini.

**S:Boleh Datuk Seri berikan pecahan bagi lebih RM40 bilion diperuntukkan untuk Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia ini?**


J:Pecahan peruntukannya merangkumi Pinjaman Kredit Mikro berjumlah RM1.8 bilion; Pembiayaan Ekuiti/Alternatif (RM2.2 bilion); Pinjaman Mudah bagi PKS (RM14.2 bilion) dan Jaminan pembiayaan melalui Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) berjumlah RM22 bilion.

Yang pasti, seperti saya sebut, semua tahap perniagaan daripada mikro dan kecil hingga besar serta tersenarai di Bursa, semuanya boleh memanfaatkan langkah dalam inisiatif Semarak Niaga. Malah, khusus untuk PKS mikro, sebelum ini kerajaan tidak pernah memperuntukkan dana sebesar RM1.8 bilion bagi pembiayaan yang sesetengahnya ada ciri moratorium hingga 12 bulan.

**S:Bagaimanakah agensi dapat memainkan peranan bagi memastikan inisiatif Semarak Niaga Keluarga Malaysia dapat direalisasikan?**

J: Agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat berkaitan kera-

" Semarak Niaga bukan sahaja menyokong perniagaan dari segi suntikan modal kerja atau pembiayaan, bahkan suntikan berbentuk ekuiti (seperti membeli saham atau memegang ekuiti dalam syarikat) kepada perniagaan terkesan akibat pandemik



Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri

jaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) perlu bekerjasama dengan kerajaan bagi merealisasikan inisiatif Semarak Niaga ini demi kesejahteraan seluruh Keluarga (Perniagaan) Malaysia.

Kerjasama sebegini akan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan bagi membantu rakyat bina semula kehidupan, memberi sokongan kepada perniagaan terjejas dan memperkuatkan sistem perlindungan sosial.

Secara keseluruhan, kerajaan yakin inisiatif ini akan memulihkan kehidupan Keluarga Malaysia dan pembangunan sosioekonomi negara lebih seimbang, inklusif serta mampan.

**S:Apakah matlamat ingin dicapai secara keseluruhan bagi Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia?**

J: Matlamat pertama ingin dicapai adalah memastikan momentum pemulihan kita kecapai pada suku keempat 2021 dapat diteruskan. Kerajaan, menerusi agensi berkaitan menyediakan skim pembiayaan dan pembiayaan alternatif kepada PMKS serta perniagaan lain terkesan

suai perniagaan dengan keperluan operasi pasca-COVID-19. Contohnya, kerajaan akan melanjutkan potongan cukai ke atas kos pengubahsuaian sehingga RM300,000 untuk menyokong pematuan prosedur operasi standard (SOP) seperti menambah baik sistem pengudaraan dan memberi potongan cukai tambahan sehingga RM50,000 ke atas perbelanjaan sewa tempat penginapan pekerja.

Bajet 2022 juga akan terus memperkasakan kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan kekal berdaya saing, termasuk usaha menggalakkan lebih banyak pelaburan strategik. Contohnya, terdapat dana pelaburan strategik khas untuk menarik pelaburan asing dalam kalangan syarikat multinasional (RM2 bilion); pemberian geran pepadanan automasi pintar kepada 200 syarikat pembuatan dan perkhidmatan (RM100 juta) serta program kemahiran/latihan melatih 20,000 pekerja untuk menyokong kelompok industri (RM80 juta).

**S:Bagaimanakah PMKS boleh dapatkan skim ditawarkan di bawah Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia?**

J:Saya menjemput komuniti usahawan merebut peluang yang akan membolehkan mereka pulih dan kembali berdiri semula, sekali gus menyokong usaha pemulihan sosioekonomi negara.

Komuniti usahawan dan perniagaan digalakkan melayari Portal-Manfaat Bajet 2022 di <https://budget.mof.gov.my/manfaat/>. Portal interaktif ini menyediakan pelbagai maklumat mengenai skim dan manfaat ditawarkan di bawah inisiatif Semarak Niaga.

Melangkah ke hadapan, kerajaan sentiasa komited dalam memajukan pemulihan serta meningkatkan daya tahan dan daya saing sektor perniagaan, terutama PMKS.